

KAJIAN KEBERKESANAN PROGRAM LATIHAN KHEMAH KERJA UKUR BAGI PELAJAR SIJIL TEKNOLOGI PEMBINAAN

Fairoz binti Jumhat

Jabatan Kejuruteraan & Kemahiran
Kolej Komuniti Bandar Penawar

usz_cool@yahoo.com.my

Abstrak

Program Latihan Khemah Ukur Kerja Ukur dirancang mengikut keperluan bagi apa yang perlu dicapai oleh pelajar dengan menggunakan pendekatan melalui kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek (PBL) selaras dengan pelaksanaan kurikulum berasaskan OBE (*Outcome Based Education*). Kajian tindakan telah dilaksanakan ke atas 25 orang pelajar yang mengikuti program latihan ini. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji tahap keberkesanan program memandangkan program sebegini adalah pertama kali diadakan. Kajian ini menggunakan dapatan kajian melalui borang soal selidik berskala likert yang diedarkan kepada peserta program dan soalan ujian pra dan pasca. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS. Hasil kajian menunjukkan purata skor min yang tinggi sebanyak 4.12 terhadap persepsi pelajar tentang pengurusan dan kemudahan yang disediakan sepanjang program latihan dan terdapat peningkatan tahap pengetahuan dan kefahaman pelajar dan tahap aplikasi pelajar melalui analisis *Ujian-t*.

Keywords: Keberkesanan, Latihan Khemah Kerja Ukur, Pembelajaran Berasaskan Projek (PBL)

1.0 Pengenalan

Sijil Teknologi Pembinaan (STP) merupakan antara kursus yang ada dibawah program Sijil Kolej Komuniti Terusan, SKK (T) yang ditawarkan di bawah Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia. Terdapat empat buah Kolej Komuniti yang menawarkan kursus STP iaitu Kolej Komuniti Bandar Penawar, Kolej Komuniti Kuala Terengganu, Kolej Komuniti Jelevu dan Kolej Komuniti Bentong. Pengaplikasian sistem OBE (*Outcomes Based Education*) merupakan standard piawai dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran yang digunakan di Kolej Komuniti bagi semua Sijil Kolej Komuniti Terusan, SKK (T) atau Sijil Kolej Komuniti Modular, SKK(M). Terdapat empat elemen penting dalam pelaksanaan OBE iaitu perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian.

Trend sistem pendidikan pada masa sekarang telah menunjukkan perubahan pendekatan tradisional iaitu berpusatkan kepada guru kepada pendekatan kepada pelajar, **Aspalila et al (2010)**. Menurut **Azlinawati binti Alidin & Hasniza Ibrahim (2014)**, kepelbagaian kaedah pengajaran boleh diaplikasikan untuk pelaksanaan OBE iaitu dengan menggunakan kaedah pengajaran berasaskan masalah (*Problem Based Learning*), pembelajaran kooperatif (*Cooperative Learning*) dan pembelajaran aktif (*Active Learning*). Pendekatan OBE menekankan hasil pembelajaran di mana pengetahuan, kemahiran teknikal dan juga kemahiran generik lain perlu berjaya diperolehi oleh pelajar sepanjang pengajian dalam sesuatu bidang (**Murugan dan Simmathiri, 2009**).

Selaras dengan pelaksanaan kurikulum berasaskan OBE, Program Latihan Khemah Ukur Kerja Ukur dirancang mengikut keperluan bagi apa yang perlu dicapai oleh pelajar dengan menggunakan pendekatan melalui kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek (PBL). Pengajaran berasaskan projek merupakan suatu kaedah pengajaran yang melatih pelajar tentang kemahiran yang perlu dikuasai sebelum mereka memasuki alam pekerjaan (**Nasriyah binti Haji Adnan & Nurena binti Abdullah, 2014**). Menurut **Mustaqimah et al (2013)**, pelajar bukan hanya perlu didedahkan dengan aspek teori sahaja malahan latihan praktikal juga perlu diberi perhatian terutamanya untuk bidang ukur tanah. Penggunaan teknologi terkini penting kerana teknologi ukur berkembang dengan begitu pesat seiring dengan peredaran masa. Objektif utama Latihan Khemah Kerja Ukur diadakan adalah agar pelajar menguasai kemahiran mengendalikan kerja ukur kejuruteraan bermula dari perancangan kerja, pengurusan masa, pengendalian alat, pemilihan kawasan sehingga penghasilan plotan. Dalam program ini pelajar diberikan beberapa task yang mana pelaksanaannya secara berkumpulan dan hasil pengukuran dipersembahkan melalui slot pembentangan di penghujung program.

Disamping itu program ini bertujuan memberi pendedahan kepada para pelajar berkenaan situasi sebenar persekitaran dan permasalahan profesyen Ukur Tanah. Dengan adanya Latihan Khemah Kerja Ukur ini juga dapat melatih ketahanan fizikal dan mental pelajar menghadapi situasi persekitaran dan permasalahan yang sentiasa berubah-ubah mengikut lokasi dan keadaan topografi kawasan. Menurut **Jidarulaila (2003)**, pembelajaran yang berkesan adalah pembelajaran yang melibatkan interaksi individu dengan persekitaran yang akan mewujudkan pengalaman yang pelbagai dikalangan pelajar. Kepelbagaian kaedah pengajaran perlu diubahsuai bagi mendapatkan pembelajaran yang lebih efektif. Menurut **Zulzana et al (2005)**, kepelbagaian kaedah pengajaran adalah perlu bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih berkesan dan pelajar perlu didedahkan dengan suasana pembelajaran berasaskan kerja sebenar (*work based learning*). Ini akan membolehkan pelajar menghubungkan serta mengaplikasi konsep yang dipelajari dalam situasi sebenar (**Koay Kheng Chuan, 1997**).

Penyusunan program meliputi pelbagai aspek yang perlu dititikberatkan iaitu dari segi pengurusan masa, kerjasama dalam satu pasukan, perancangan kerja, kemahiran menyelesaikan masalah dan pembentangan hasil kerja. Kemahiran intelektual juga merupakan elemen penting yang perlu ada dikalangan pelajar bagi memudahkan mereka mengaplikasikan pembelajaran secara teori dalam kerja amali. Menurut **Ab. Rahim bin Selamat (1993)**, mempersembahkan hasil projek

merupakan aktiviti pembelajaran yang penting yang mana ianya merupakan kemuncak segala perancangan, pelaksanaan dan usaha.

2.0 Pernyataan Masalah

Modul Ukur Kejuruteraan 1 dan 2 adalah antara modul yang perlu diambil oleh pelajar semester satu dan dua yang mengikuti pengajian dalam kursus ini. Modul ini mempunyai tiga kredit yang mengandungi 76 jam pertemuan bagi setiap semester. Bagi mencapai status lulus, pelajar perlu melengkapkan pembelajaran teori dan amali yang membawa markah penilaian berterusan sebanyak 70 peratus dan 30 peratus bagi penilaian akhir. Sebanyak 30 peratus markah diperuntukkan daripada keseluruhan Penilaian Berterusan (PB) adalah dari pelaksanaan amali atau projek. Pembahagian markah amali adalah berdasarkan kemahiran teknikal, pelaksanaan amali dan laporan. Namun penyelidik mendapati pelajar tidak fokus dan kurang bersedia dalam melaksanakan amali yang dilaksanakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran seharian mengikut peruntukan jam perkuliahan. Jumlah jam Amali Ukur yang diperuntukkan bagi sekali pertemuan adalah sebanyak 3 jam. Kesenambungan kerja amali secara berperingkat disebabkan kekangan masa menyebabkan pelajar kurang fokus pada sesuatu projek yang dilaksanakan. Menurut Siti Fatimah Mohammad Yasin (1998), konsep belajar sambil membuat *learning by doing* dengan menyiapkan projek atau tugas samada dilakukan secara berkumpulan atau individu boleh mempercepatkan proses pembelajaran. Berdasarkan kajian terdahulu oleh Halina binti Hamid (2004) dalam kajian awalnya mendapati proses amali dalam makmal masih berlaku secara tradisional di mana proses pembelajarannya agak lambat dan kurang memberi peningkatan sendiri pada pelajar yang merangkumi 6 aspek iaitu permasalahan dengan *labsheet* sedia ada, prosedur kerja amali, pembentukan kumpulan, kekurangan tenaga pengajar, peralatan dan masa amali yang tidak mencukupi.

Selaras dengan pelaksanaan kurikulum Sijil Kolej Komuniti yang menggunakan pendekatan pembelajaran berasaskan hasil atau OBE, Program Latihan Khemah Kerja Ukur telah dilaksanakan agar pembelajaran yang efektif berpusatkan pelajar dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelajar. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Mustaqimah et al (2013), Kem Kecemerlangan Latihan Ukur Tanah (KKLUT) yang telah dijalankan adalah berkesan di dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran daya fikir, kemahiran komunikasi, keyakinan dan memberi faedah kepada pelajar.

3.0 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk :

- i. Mengetahui persepsi pelajar terhadap pengurusan dan kemudahan yang disediakan sepanjang program.
- ii. Mengetahui perbezaan tahap pengetahuan dan kefahaman pelajar selepas menghadiri program.
- iii. Mengetahui perbezaan tahap aplikasi pelajar selepas menghadiri program.

4.0 Persoalan Kajian

Kajian ini menumpukan kepada tiga persoalan seperti berikut :

- i. Apakah persepsi pelajar terhadap pengurusan dan kemudahan yang disediakan sepanjang program berlangsung?
- ii. Adakah terdapat perbezaan tahap pengetahuan dan kefahaman pelajar selepas mereka menghadiri program?
- iii. Adakah terdapat perbezaan tahap aplikasi pelajar selepas mereka menghadiri program?

5.0 Kepentingan Kajian

Berdasarkan kepada pernyataan masalah yang telah dibincangkan, maka kepentingan kajian ini adalah untuk mengetahui keberkesanan program Latihan Khemah Kerja Ukur yang buat pertama kalinya diadakan. Namun demikian, adakah program yang dilaksanakan ini memberi impak kepada pelajar ataupun sebaliknya. Memandangkan ianya julung kali diadakan, adalah perlu untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap pengurusan dan kemudahan yang disediakan sepanjang program latihan. Peningkatan tahap pengetahuan dan kefahaman serta tahap aplikasi pelajar dinilai adalah sangat perlu kerana ianya merupakan objektif utama keberkesanan program yang dirancang. Menyadari kepentingan ini, kajian dijalankan bertujuan membantu pihak pengurusan membuat penambahbaikan pada program yang akan datang dengan lebih berkesan.

6.0 Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk deskriptif bagi mengenalpasti persepsi pelajar terhadap pengurusan dan kemudahan yang disediakan sepanjang program latihan dan kajian berbentuk inferensi bagi mengenalpasti perbezaan tahap pengetahuan dan kefahaman pelajar dan tahap aplikasi pelajar selepas menghadiri program. Kajian ini melibatkan pelajar yang mengikuti program latihan terdiri daripada pelajar semester satu dan dua seramai 25 orang responden dari program Sijil Teknologi Pembinaan, Kolej Komuniti Bandar Penawar.

Dalam pelaksanaan kajian ini, pengumpulan data telah dijalankan dengan menggunakan soal selidik dan ujian pra dan pasca. Borang soal selidik terdiri daripada empat bahagian iaitu bahagian A adalah demografi responden, bahagian B dan C pula adalah soalan berkaitan objektif pertama kajian iaitu tentang persepsi pelajar terhadap pengurusan dan kemudahan program. Soalan-soalan dalam bahagian ini menggunakan skala Likert iaitu "Sangat Tidak Setuju", "Tidak Setuju", "Tidak Pasti", "Setuju", dan "Sangat Setuju".

Manakala bahagian D adalah soalan berkaitan objektif ketiga iaitu tahap aplikasi pengetahuan dan kemahiran responden sebelum dan selepas program latihan yang meliputi aspek pengetahuan terhadap pelaksanaan amali, kemahiran dan kecekapan mengendalikan alat, perancangan kerja untuk melaksanakan amali dan keupayaan mengurus maklumat dan data cerapan.

Pengumpulan data bagi objektif berkaitan tahap pengetahuan dan kefahaman pelajar selepas menghadiri program ditentukan melalui ukuran perbandingan soalan pra-ujian dan soalan pasca-ujian. Set soalan dan tempoh masa menjawab yang sama diberikan kepada responden sebelum dan selepas program latihan.

7.0 Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Dalam Kajian ini seramai 25 orang responden iaitu terdiri daripada 21 orang dari semester satu dan empat orang dari semester dua telah menjawab soal selidik yang dikemukakan. Perbincangan adalah berdasarkan objektif yang telah dikenalpasti dan dikaitkan dengan kajian-kajian yang lepas.

7.1 Persepsi Pelajar Terhadap Pengurusan Dan Kemudahan Yang Disediakan Sepanjang Program.

Kaedah statistik deskriptif digunakan untuk mengetahui persepsi pelajar terhadap tahap pengurusan dan kemudahan program. Responden diuji dengan tujuh item soalan berbentuk skala likert seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 : Persepsi pelajar terhadap Tahap Pengurusan Program

Bil	Item	% Memilih Skala					Skor Min
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	
1.0	Penerangan mengenai perjalanan program, objektif dan tentatif program telah diterangkan dengan jelas	-	-	8	56	9	4.28
2.0	Kesesuaian lokasi program	-	-	20	56	24	4.04
3.0	Pengagihan kumpulan yang sistematik dan adil	4	-	4	13	10	4.24
4.0	Interaksi dua hala yang baik antara pelajar dan pensyarah sepanjang program.	-	-	20	52	28	4.08
5.0	Tempoh masa amali bersesuaian dengan task yang diberikan.	-	4	4	76	16	4.00
6.0	Helaian kerja amali (labsheet) jelas dan membantu pelajar melaksanakan amali	-	4	-	64	32	4.24
7.0	Taklimat berkenaan aspek keselamatan dimaklumkan dengan jelas dan dari masa ke semasa	-	-	8	64	28	4.20
8.0	Kemudahan penginapan yang disediakan selesa dan selamat	-	2	5	12	6	3.88
9.0	Perkhidmatan makanan dan minuman adalah memuaskan	4	-	8	76	12	3.92
10.0	Peralatan ukur yang disediakan bersesuaian dan mencukupi	-	-	12	64	24	4.12
11.0	Kebajikan pelajar di jaga dengan baik sepanjang program	-	-	8	52	40	4.08
N=25	Purata Min						4.12

Nilai purata keseluruhan bagi skor min adalah sebanyak 4.12 iaitu berada pada tahap tinggi. Didapati kebanyakan pelajar bersetuju bahawa tahap pengurusan program Latihan Khemah Kerja Ukur adalah baik. Walaubagaimanapun bagi item lapan dan sembilan perlu diberi perhatian dan ditambah baik memandangkan skor min yang agak rendah iaitu sebanyak 3.88 bagi item kemudahan penginapan dan 3.95 bagi item perkhidmatan makanan dan minuman berbanding item-item yang lain sekiranya program sebegini dirancang untuk dilaksanakan pada masa akan datang.

7.2 Perbezaan Tahap Pengetahuan Dan Kefahaman Pelajar Selepas Menghadiri Program.

Keberkesanan program dari aspek tahap pengetahuan dan kefahaman pelajar selepas menghadiri program diuji dengan soalan ujian yang sama sebelum dan selepas program di mana pelajar perlu menjawab soalan ujian pada masa yang ditetapkan. Bagi pelajar semester satu, soalan ujian adalah meliputi topik pembukuan dan pelarasan ukur aras dan ukur kontur. Manakala soalan ujian bagi pelajar semester dua adalah berkenaan pembukuan dan pelarasan teodolit dan tekimetri. Ujian *Paired Sample t-test* dijalankan bagi menentukan perbezaan tahap pengetahuan dan kefahaman sebelum dan selepas menghadiri program. Hasil ujian ditunjukkan di dalam Jadual 2.

Jadual 2 : Ujian *Paired Sample (T-Test)* Terhadap Tahap Pengetahuan Dan Kefahaman Pelajar Sebelum Dan Selepas Menghadiri Program

Paired Samples Statistics					
		Mean	N	Std. Deviation	Std. Error Mean
Pair 1	sebelum	46.8160	25	22.49262	4.49852
	selepas	65.8080	25	20.86618	4.17324

Paired Samples Test									
		Paired Differences				t	df	Sig. (2-tailed)	
		Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean	95% Confidence Interval of the Difference				
					Lower				Upper
Pair 1	sebelum - selepas	18.9920	15.77350	3.15470	-25.50298	-12.48102	-6.020	24	.000

Ujian *Paired Sample t-test* ($t = -6.020$, $df = 24$, $p < 0.05$) dalam Jadual 2 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam nilai min bagi tahap penilaian pengetahuan dan kefahaman

pelajar sebelum dan selepas mengikuti program. Perbezaan tersebut ditunjukkan dalam nilai min 46.1860 (sebelum menghadiri program) dan nilai min 65.8080 (selepas mengikuti program). Peningkatan dalam nilai min ini menunjukkan program latihan khemah kerja ukur berjaya meningkatkan tahap pengetahuan dan kefahaman pelajar. **Mustaqimah et al (2003)** dalam kajiannya mendapati hasil Kem Kecemerlangan Dan Latihan Ukur Tanah (KKLUT) yang telah dilaksanakan menunjukkan peningkatan bilangan belajar memperoleh markah tinggi bagi membuktikan bahawa KKLUT memberikan manfaat kepada pelajar kerana dapat mengaplikasikan ilmu ukur yang dipelajari sepanjang KKLUT dijalankan. Selain itu, kajian yang dijalankan **Nasriyah binti Haji Adnan dan Nurena binti Abdullah (2014)** berkaitan dengan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBL) mendapati kaedah PBL ini memberikan kesan yang positif dengan memberi pendedahan kepada pelajar terhadap situasi sebenar atau berasaskan pengalaman.

7.3 Perbezaan Tahap Aplikasi Pelajar Selepas Menghadiri Program.

Keberkesanan program dari aspek tahap aplikasi pelajar diuji dengan maklum balas pelajar melalui borang soal selidik. Sebanyak empat soalan iaitu pengetahuan terhadap pelaksanaan amali, kemahiran dan kecekapan mengendalikan alat, perancangan kerja dan keupayaan mengurus maklumat atau data cerapan dikaji sebelum dan selepas mengikuti program menggunakan Ujian *Paired Sample T-test*. Purata min bagi setiap soalan menunjukkan peningkatan min daripada nilai sebelum dan selepas mengikuti program seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3 : Perbezaan Skor Min Terdapat Tahap Aplikasi Pelajar Sebelum Dan Selepas Program

BIL	TAHAP APLIKASI	SKOR MIN	
		SEBELUM	SELEPAS
i.	Pengetahuan terhadap pelaksanaan amali	1.84	3.40
ii.	Kemahiran dan kecekapan mengendalikan alat	1.76	3.56
iii.	Perancangan kerja untuk melaksanakan amali	1.88	3.36
iv.	Keupayaan mengurus maklumat dan data cerapan	1.80	3.40

Jadual 4: Paired Samples Test Terhadap Tahap Aplikasi Pelajar Sebelum Dan Selepas Program

<i>Paired Samples Statistics</i>				
	Mean	N	Std. Deviation	Std. Error Mean
Pair 1	meansblm	1.8200	.41155	.08231
	meanslps	3.4300	.38541	.07708

	Paired Differences					t	df	Sig. (2-tailed)
	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean	95% Confidence Interval of the Difference				
				Lower	Upper			
Pair 1 sebelum selepas	-1.61000	.47915	.09583	-1.80778	-1.41222	-16.801	24	.000

Ujian *Paired Sample t-test* ($t = -16.801$, $df = 24$, $p < 0.05$) dalam Jadual 4 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam nilai min bagi tahap aplikasi pelajar sebelum dan selepas mengikuti program. Perbezaan tersebut ditunjukkan dalam nilai min 1.82 (sebelum menghadiri program) dan nilai min 3.43 (selepas mengikuti program). Peningkatan dalam nilai min ini menunjukkan program latihan khemah ukur berjaya meningkatkan tahap aplikasi pelajar dalam pengetahuan dan kemahiran.

8.0 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, program latihan khemah kerja ukur yang dijalankan ini adalah berkesan dari aspek pengurusan dan kemudahan yang disediakan sepanjang program. Keberkesanan dari tahap pengetahuan dan kefahaman pelajar menunjukkan peningkatan yang positif. Manakala tahap aplikasi pelajar juga memberi kesan yang positif berbanding sebelum dan selepas mengikuti program melalui task-task yang diberikan sepanjang program berlangsung. Susunan dan aturcara program yang dirancang dapat dilaksanakan sepenuhnya iaitu penekanan kepada hasil kerja. Kemahiran-kemahiran lain juga dapat diaplikasi oleh pelajar seperti pengucapan awam, kemahiran menghasilkan slide pembentangan yang baik dan padat dan kerjasama kumpulan serta pembahagian kerja yang perlu dirancang dengan baik mengikut tempoh masa yang terhad yang telah ditetapkan. Walaubagaimanapun kajian lanjutan juga dirasakan perlu untuk mengenalpasti hubungan tahap kemahiran pelajar dengan faktor jantina atau kesesuaian masa ataupun sebaliknya. Ini kerana pembahagian kumpulan adalah secara rawak dengan bilangan perempuan dan lelaki adalah seimbang dalam satu-satu kumpulan.

9.0 Rujukan

Mustaqimah Binti Muhamamad, Azilawati Harun, Norhayati Binti Ahmad. (2013). Persepsi Pelajar Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah Terhadap Kem Kecemerlangan Dan Latihan Kerja Ukur Tanah. *Prosiding Kolokium Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah*.

Koay Kheng Chuan. (1997). Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Kontekstual Dalam Fizik KBSM di Sekolah Menengah Teknik. *Persidangan Tech Prep, Institut Aminuddin Baki, Sri Layang, Genting Highlands*.

Zulzana Binti Zulkarnain, Mohamed Bin Saim, Roslina Binti Abd Talib. (2005).

Hubungan Antara Minat, Sikap Dengan Pencapaian Pelajar Dalam Kursus Cc301 – Quantity Measurement, Politeknik Port Dickson

Mohd Jailani Mohd Nor, Noraini Hamzah, Hassan Basri & Wan Hamidon Wan Badaruzzaman. (2005). Pembelajaran berasaskan hasil : Prinsip & cabaran. *Seminar pengajaran dan pembelajaran berkesan*.

Mohd Najib Abdul Aziz & Nor Shafrin Ahmad. (2008). Kemahiran belajar dan hubungannya dengan pencapaian akademik: Kajian di daerah Kerian, Perak. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan, Jil. 23, 29-47, 2008*.

Murugan Krishnan & Simmathiri Aplanaidu. (2009). Pelaksanaan kursus projek berasaskan pendekatan OBE di Politeknik. *Prosiding Seminar Kebangsaan Teknologi dan Inovasi Pengajaran-Pembelajaran*. Hotel Palm Garden IOI Resort Putrajaya 28-29 April 2009

Azlinawati binti Alidin & Hasniza Ibrahim. (2014). Amalan pengajaran pensyarah menggunakan pendekatan Outcome Based Education (OBE) di Politeknik Sandakan Sabah. *Persidangan Pendidikan (Penyelidikan dan Inovasi) dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (CiE-TVET)*. Politeknik Mersing, Johor 25-26 Ogos 2014

Azlan bin Ahmad & Norfadhilton binti Zahari. (2012). Kajian Keberkesanan Program Pembangunan Dan Penilaian Bagi Pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Gred M41. *Jurnal Pengurusan Awam 2012*

Nasriyah binti Haji Adnan & Nurena binti Abdullah. (2014). Persepsi Keberkesanan Pembelajaran Berasaskan Projek Terhadap Penglibatan Pelajar Kursus Pb605 (Business Research) di Politeknik Melaka. *Persidangan Pendidikan (Penyelidikan dan Inovasi) dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (CiE-TVET)*. Politeknik Mersing, Johor 25-26 Ogos 2014

Jidarulaila binti Salleh. (2003). Hubungan Gaya Pengajaran Guru Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Bagi Mata Pelajaran Perdagangan Di Sekolah Menengah Teknik Datuk Seri Mohd Zin Alor Gajah Melaka. *Tesis Sarjana*, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Siti Fatimah Mohammad Yassin dan Juriah Long. (1998). Inovasi Dalam Perkaedahan Pengajaran Bahasa, Sains Sosial dan Teknologi Maklumat: Universiti Kebangsaan Malaysia, 194-195

Ab Rahim bin Selamat. (1993). Belajar Cara Belajar: Nurin Enterprise

Halina Binti Hamid. (2004). Pembangunan Web Cd Prosedur Kerja Luar Ukur Teodolit Makmal Teknologi Ukur Pembinaan, Kuittho. *Thesis Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional*, Kuittho

ORGANIZATIONAL CLIMATE SURVEY IN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

Magdalyne Egan¹, Sharifah Mahani binti Syid Assimie²

¹Commerce Department,
Politeknik Kuching Sarawak

²Commerce Department,
Politeknik Kuching Sarawak

magdalyne.e@poliku.edu.my, mahani@poliku.edu.my

Abstract

Background: Organizational climate is the set of perceptions shared by employees who occupy the same workplace. The survey set out to empirically examine the organizational climate of the Politeknik Kuching Sarawak (PKS). The main objective has been to help management understand how employees think and feel as contributing members of their organizations. With a clear picture of their attitudes, the management will be able to develop an action plan with specific solutions that tackle any areas of concern or in need of improvement. **Method:** The study was a descriptive survey, which involved the collection of information in a structured questionnaire. The sample consisted of 487 employees of PKS from work functional of academic and non-academic staffs. **Results:** A total of 320 completed and usable were returned. This gives a response rate of 65.71%, where, 66.94% are from academic staffs and 61.86% from non-academic staffs. The proposed scale consists of 50 Likert-type items, with an alpha coefficient of 0.969. **Conclusions:** The study revealed that employees at PKS considered all the ten sections in the organizational climate investigated in this study are favorable. Overall, all the respondents have a high view of the organization climate of PKS.

Keywords: Organizational Climate Survey, organizational culture, organizational climate, Politeknik Kuching Sarawak

1.0 Introduction

An organizational climate study enables a successful organization to operate more efficiently through the use of worker input and satisfaction ratings. A better climate at work not only makes people more motivated but can improve bottom-line performance too. Leaders make the biggest difference on this important indicator, so helping them to understand the climate they experience and the climate they create is a key step on the road to better overall performance.

Culture and climate has been shown to shape the attitudes of workers to knowledge initiatives, and the extent to which they are prepared to use and share their knowledge (Hislop, 2005). Mission, vision, and values steer the organization and the culture but are also a way of communicating to both current and potential employees. To have the best employees, organization should strive to inspire through their mission and vision.

2.0 Literature Review